

Paras air melimpah ekoran fenomena air pasang besar, hujan lebat

Mangsa banjir meningkat di Sarawak

Oleh NOR AZIRAN YUNUS

KUCHING – Jumlah mangsa banjir di bandar raya ini dijangka terus meningkat berikutan beberapa kawasan lagi akan dinaiki air ekoran fenomena air pasang besar berlaku pada masa ini.

Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Misnu Taha (**gambar kecil**) bagaimanapun berkata, jumlah hujan di bandar raya ini dan daerah Bau dijangka berkurangan berbanding hujan lebat berterusan sejak tiga hari lalu sedikit memberi kelegaan.

Beliau yang juga Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN) Sarawak berkata, punca banjir di bahagian ini disebabkan fenomena air pa-



722 mangsa ditempatkan di enam pusat pemindahan

Sarawak dilanda banjir

Oleh NOR AZIRAN YUNUS

KUCHING – Seramai 722 mangsa daripada 183 keluarga dari daerah ini dan Bau dekat sini dipindahkan ke enam pusat pemindahan banjir se-

KERATAN *Kosmo!* semalam.

sang besar dan hujan lebat sejak beberapa hari lalu.

“Kita sudah membuka baraj (empangan) di Sungai Sarawak sepanjang masa bagi membolehkan air dari hulu sungai mengalir terus ke laut bagi mengelak air daripada terus melimpah.

“Namun, keadaan banjir ini tidak akan pulih dengan cepat kerana fenomena air pasang besar masih berlaku pada masa ini,” katanya pada

sidang akhbar selepas memengerusikan mesyuarat JPBN Sarawak di sini semalam.

Sementara itu, jurucakap JPBN Sarawak berkata, jumlah mangsa banjir terus mencatatkan peningkatan apabila seramai 2,679 mangsa daripada 694 keluarga dipindahkan ke 19 pusat pemindahan banjir dengan 14 pusat di Kuching manakala lima lagi di daerah Bau.

“Jumlah mangsa banjir dijangka meningkat pada sebelah



PASUKAN penyelamat membantu memindahkan mangsa banjir yang terperangkap menggunakan sebuah bot di sebuah rumah di Batu Kitang, Kuching semalam.

malam dan beberapa pusat pemindahan lagi akan dibuka berikutan air pasang besar. Penduduk diminta bersiap sedia

dan menghubungi bilik gerakan banjir di talian 082-507 022 jika memerlukan sebarang bantuan,” katanya.